



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH  
URUS SETIA PENGAMBILAN  
DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan  
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam  
Negara Brunei Darussalam.**

**PELATIH BERITA (D.1 EB.2)  
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**1. Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

**2. Sila Ambil Perhatian:**

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalender Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PELATIH BERITA**  
**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI**  
**JABATAN PERDANA MENTERI**  
**D.1 EB.2 (\$530-\$820 EB KHAS \$850 - \$970)**  
**KEKOSONGAN = DUA (2)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. i) 4 Kepujian / Kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa atau kelulusan sebanding.

**ATAU**

- ii) BDTVEC / BTEC *National Trade Certificate Grade 2 (NTC2)* dalam bidang *Journalism / Kewartawanan / Komunikasi Massa / Media Studies / Pengajian Brunei / Public Affairs / Teknologi Maklumat* atau dalam bidang bersesuaian.

**ATAU**


- iii) Telah berkhidmat di Jabatan Radio Televisyen Brunei dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- iv) Telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

**SYARAT-SYARAT LAIN:**

1. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
2. Dimestikan lulus dalam ujian kelayakan (praktikal) yang dikendalikan oleh Jabatan Radio Televisyen Brunei.
3. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Mandarin dan lain-lain Bahasa selain Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris adalah merupakan kelebihan.



4. Boleh membuat kertas kerja dengan menggunakan peralatan komputer atau mempunyai pengetahuan asas menggunakan perisian Microsoft Office.
5. Hendaklah mempunyai minat dan pengetahuan mengenai hal ehwal kewartawanan / hal ehwal penyuntingan / hal ehwal semasa / hal ehwal media penyiaran.
6. Mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam bidang kewartawanan / penyuntingan / hal ehwal semasa / hal ehwal media penyiaran adalah merupakan kelebihan.
7. Hendaklah mempunyai kebolehan dalam berkomunikasi dengan orang awam.
8. Hendaklah mempunyai keyakinan diri yang tinggi, kreatif dan pro-aktif dalam hal ehwal kewartawanan.
9. Mempunyai daya usaha dan kreativiti yang tinggi bagi memenuhi citarasa penonton / pendengar adalah merupakan kelebihan.
10. Mempunyai pengetahuan mengenai terasul dan penggunaan Bahasa dalam adalah merupakan kelebihan.
11. Mempunyai kebolehan dalam menulis skrip televisyen / radio / berita dan hal ehwal semasa adalah merupakan kelebihan.
12. Pernah mengikuti Program Pembangunan dalam bidang yang berkenaan anjuran Jabatan Radio Televisyen Brunei adalah merupakan kelebihan.
13. Berkeupayaan membuat keputusan secara bijaksana dengan segera dalam hal ehwal kewartawanan termasuk dalam suasana tegang adalah merupakan kelebihan.
14. Peka terhadap perkembangan dan hal ehwal dalam negeri, serantau dan antarabangsa.
15. Memahami konsep Negara Melayu Islam Beraja.
16. Mempunyai pengetahuan mengenai adat istiadat dan protokol Negara Brunei Darussalam.



17. Memahami misi dan dasar jabatan dalam pembangunan negara.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Bertanggungjawab kepada Ketua Pemberita dalam hal ehwal liputan berita dan lain-lain hal yang berkaitan;
2. Mencari, menyelidik, mengumpul dan membuat liputan berita samaada di dalam negeri dan di luar negeri bersama-sama dengan krew penggambaran;
3. Menguruskan keperluan-keperluan membuat liputan berita terutamanya tempahan krew penggambaran, kemudahan pengangkutan dan kemudahan-kemudahan lain yang diperlukan;
4. Menghubungi pihak yang berkenaan bagi Kementerian-Kementerian / Jabatan-Jabatan Kerajaan serta juga orang ramai berhubung dengan pengumpulan berita yang tertentu;
5. Melibatkan diri dalam kerja-kerja menyunting laporan, skrip berita dan video bagi memastikan bahan-bahan yang hendak disiarkan adalah tepat, jelas dan teratur;
6. Memastikan semua kerja-kerja yang dibuat hendaklah siap pada waktu yang ditetapkan;
7. Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa termasuk di luar masa pekerjaan biasa dan di mana-mana sahaja dikehendaki sebagaimana yang diarahkan;
8. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.